

## Perbezaan tahap kesetaraan umur visual motor integrasi kanak-kanak tadika

### ABSTRAK

(Tujuan) Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap perbezaan kesetaraan umur visual motor integrasi (VMI) dalam kalangan kanak-kanak Tadika Kemas yang berumur 4 hingga 6 tahun. (Kaedah) Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan seramai 90 orang peserta (L=45, P=45). Ujian visual motor integrasi menggunakan instrumen Beery VMI edisi ke 5 (2006) telah dijalankan untuk mengukur tahap motor integrasi kanak-kanak tadika dalam bentuk visual motor. Skor yang diperoleh daripada peserta telah dianalisis untuk mendapatkan skor mentah dan skor kesetaraan umur. Skor-skor ini telah dianalisis menggunakan statistik ANOVA untuk membandingkan min kesetaraan umur VMI peserta berdasarkan kumpulan umur. (Dapatan) Terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor kesetaraan umur visual motor integrasi dengan kumpulan umur [ $F(2,87) = 6.0, p < .01$ ]. Analisis Post Hoc menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi min skor kesetaraan umur VMI antara kanak-kanak empat tahun dengan enam tahun ( $p = .01$ ). Perbandingan antara kumpulan kanak-kanak lima tahun dengan enam tahun juga menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $p = .01$ ). Manakala perbandingan antara peserta empat tahun dengan lima tahun adalah tidak signifikan ( $p > .05$ ). (Perbincangan) Kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap perkembangan motor integrasi dalam kalangan kanak-kanak Tadika Kemas.

**Keyword:** Age equivalent; Visual motor integration; Fine motor skills